

07 AUG 2003

Hasmah-Kesihatan

GABUNGAN PROGRAM KESIHATAN DALAM PROJEK SKIM MIKRO KREDIT

PULAU PINANG, 7 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini mencadangkan aktiviti atau program kesihatan digemblungkan dalam projek Skim Mikro Kredit bagi memastikan tahap kesihatan masyarakat luar bandar terjamin.

Beliau berkata dalam membantu usaha kerajaan membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar menerusi Projek Ikhtiar, pendidikan tentang kesihatan juga boleh disebarkan menerusinya.

Katanya menerusi skim ini, maklumat mengenai penjagaan kesihatan bukan sahaja dapat disebarkan di kalangan peserta malah ia juga boleh diperluaskan kepada kaum keluarga mereka.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah sempena majlis konvokesyen Universiti Sains Malaysia ke-32 di sini, beliau berharap Skim Mikro Kredit, yang terbukti berjaya menaikkan taraf kehidupan pesertanya, dapat diperluaskan kepada kumpulan sasaran yang lebih besar dalam masyarakat.

Skim ini, yang diwujudkan hasil penyelidikan Projek Ikhtiar oleh USM, merupakan saluran penting untuk membantu golongan wanita menaikkan taraf ekonomi dan kehidupan mereka.

Melalui skim ini, Siti Hasmah telah berusaha menyusun program pembiayaan kepada institusi mikro kredit supaya mereka dapat memberikan pinjaman kecil kepada kaum wanita untuk memulakan perniagaan atau sebarang aktiviti yang boleh menambah pendapatan keluarga.

Terdahulu itu, dalam ucapannya selepas menerima anugerah berkenaan daripada Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, yang juga Canselor USM, Siti Hasmah berkata rakyat yang berilmu akan mudah menerima perubahan ke arah kemajuan dan kejayaan.

Katanya institusi pendidikan memainkan peranan utama untuk memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat supaya mereka dapat mengubah diri untuk mencapai kejayaan.

Pada masa ini, banyak gejala buruk berlaku dalam masyarakat seperti peningkatan bilangan pesakit HIV/AIDS, pertambahan bilangan penagih dadah dan perokok muda, keruntuhan akhlak remaja dan sistem kekeluargaan melalui perceraian dan keruntuhan rumah tangga.

"Sepatutnya, sebagai masyarakat yang terdidik, gejala-gejala seperti ini tidak harus berlaku," katanya.

Beliau menggesa masyarakat, termasuk cendekiawan dan ahli akademik supaya memainkan peranan berkesan dalam usaha menangani masalah-masalah buruk ini.

"Kita perlu keluar dari kotak pemikiran yang ada dan membuktikan bahawa kejayaan ekonomi tidak hanya diukur daripada sudut kejayaan aplikasi ilmu pengetahuan untuk pembangunan tetapi juga dalam bentuk "intangible" (yang tidak dapat diterangkan)," katanya.

Ketika ditanya mengenai perasaannya mengenai anugerah itu, Siti Hasmah berkata beliau tidak pernah menduga akan menerima anugerah yang amat bermakna itu dan mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti.

Yang turut hadir menyaksikan majlis penganugerahan ijazah kehormat itu ialah anaknya Datuk Paduka Marina Mahathir.

-- BERNAMA

ZU LAT